

KERTAS LATIHAN PEPERIKSAAN 5

Nama : _____

Darjah : _____

Tarikh : _____

Masa: 1 jam 40 min

Markah
90

BAHAGIAN A IMBUHAN (10 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

- | | |
|---|---|
| <p>Pada malam Sabtu lepas, Andri bersama keluarganya sedang menonton drama 'Jihan' di saluran Suria. Sedang mereka asyik menonton (1) _____ kegemaran mereka itu, tiba-tiba, pintu rumah mereka (2) _____ beberapa kali.</p> <p>Edi, adik Andri baru sahaja hendak (3) _____ pintu tetapi bunyi ketukan sudah tidak lagi (4) _____.</p> | <p>1. (1) dirancang
(2) merancang
(3) merancangkan
(4) rancangan ()</p> <p>2. (1) diketuk
(2) ketukan
(3) mengetuk
(4) terketuk ()</p> <p>3. (1) dibuka
(2) membuka
(3) pembuka
(4) terbuka ()</p> <p>4. (1) pendengaran
(2) kedengaran
(3) didengarkan
(4) mendengarkan ()</p> |
|---|---|

Mereka terus menonton tanpa	5. (1) berfikiran (2) difikirkan (3) memikirkan (4) terfikir ()
(5)_____ apa yang (6)_____.	
Beberapa minit kemudian, ketukan itu	6. (1) berlaku (2) dilakukan (3) melakukan (4) pelaku ()
kedengaran lagi, dan (7)_____	
semakin kuat.	7. (1) dijadikan (2) kejadian (3) menjadi (4) terjadi ()
Mereka mula cemas. Bapa Andri bangun	
dan terus menjenguk keluar tingkap untuk	8. (1) dilihat (2) kelihatan (3) melihat (4) terlihat ()
(8)_____ siapa yang mengetuk pintu	
rumahnya.	9. (1) terperanjat (2) terperanjatnya (3) berperanjat (4) diperanjatkan ()
Alangkah (9)_____ dia apabila	
dia terlihat seorang pemuda yang	10. (1) dilumuri (2) melumuri (3) berlumuran (4) melumurkan ()
(10)_____ darah sedang terbaring di	
hadapan pintu rumahnya. Andri bergegas	
untuk menelefon ambulans.	

BAHAGIAN B PERIBAHASA (5 × 2 markah)

Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

Syafiq dan Freda terlihat Aman duduk di bawah sebatang pohon berhampiran padang sekolah lalu menghampirinya.

Kedua ibu bapa Aman meninggal dunia tiga bulan yang lalu akibat kemalangan jalan raya. Semenjak pemergian ibu bapanya, Aman sering bersendirian. Tiada seorang pun yang hendak (11) mengambil tahu tentang dia.

Aman sering kelihatan sugul.

"Sudahlah, Aman. Awak harus (12) tahan hati. Risau kami melihat engkau begini," kata Syafiq.

"Betul kata Syafiq itu. Kami tahu engkau (13) tajam akal, janganlah sia-siakan masa depan awak" sambung Freda.

"Mari kita belajar bersama-sama. Engkau (14) membuat kerja yang sia-sia sahaja

11. (1) ambil hati
(2) besar hati
(3) hati emas
(4) ambil berat ()

12. (1) sabar
(2) sedih
(3) tabah
(4) gembira ()

13. (1) cepat menerima bantuan
(2) cepat menerima pelajaran
(3) cepat menerima kesusahan
(4) cepat menerima kesenangan ()

14. (1) seperti lipas kudung
(2) bagai aur dengan tebing
(3) seperti kacang lupakan kulit
(4) bagai menghitung bulu kambing ()

dengan duduk termenung di sini," kata Syafiq.

Aman (15) berasa bangga terhadap pertolongan mereka dan bersyukur mempunyai teman-teman yang sejati.

15. (1) ada hati
(2) besar hati
(3) hati emas
(4) murah hati ()

BAHAGIAN C GOLONGAN KATA (5 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Hujan yang turun mencurah-curah itu menyebabkan Ishak menggigil kesejukan.

Ishak mempercepatkan langkahnya menuju ke rumahnya. Langkah Ishak terhenti seketika

(16)_____ terdengar bunyi sesuatu

jatuh ke dalam air. Dia bergegas ke longkang

itu. Ishak terkejut apabila terlihat seorang

wanita dan anak kecilnya (17)_____

16. (1) semasa
(2) kerana
(3) sedang
(4) apabila ()

17. (1) terlambai-lambai
(2) terkapai-kapai
(3) tercungap-cungap
(4) terlonjak-lonjak ()

di dalam longkang itu sambil memekik-mekik
meminta tolong.

Paras air di dalam longkang itu semakin

naik. Tanpa (18)_____ masa, Ishak

pun terjun ke dalam longkang itu lalu

berenang dengan pantas ke arah mereka. Dia

sempat menarik anak kecil itu sebelum anak

itu (19)_____. Malangnya, wanita itu

hanyut dibawa arus yang (20)_____.

Ishak menyesal kerana gagal menyelamatkan

wanita tersebut.

18. (1) mengira
(2) mengikut
(3) membuang
(4) mengambil ()

19. (1) tenggelam
(2) termasuk
(3) hilang
(4) timbul ()

20. (1) pantas
(2) deras
(3) kuat
(4) banyak ()

BAHAGIAN D KEFAHAMAN 1 (5 × 2 markah)

Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Esok aku akan berkelah di pantai Changi. Aku berasa sungguh gembira. Sejak tahun lalu lagi, rancangan untuk berkelah bersama-sama ini telah dirancang. Apabila Cikgu Rima mengumumkan tentang tarikh rombongan perkelahan ke pantai itu, aku pun meminta kebenaran orang tuaku untuk menyertainya. Aku berjanji akan berhati-hati dan mengikut arahan guru.

"Murid-murid harus patuh pada semua arahan saya," kata Cikgu Rima mengakhiri penerangannya sebelum rombongan kami bertolak. Aku hanya mengangguk-anggukkan kepalaku. Sebenarnya, aku tidak ambil peduli kata-kata Cikgu Rima. Hatiku sudah tidak sabar lagi untuk berenang di lautan yang luas terbentang itu.

Sebaik sahaja tiba di sana, aku menyalin pakaian. Dengan tidak **mempedulikan** sesiapa, aku meluru ke arah pantai. "Burr ..." aku terjun ke dalam laut. Aku berasa sungguh seronok berenang di lautan yang **luas** itu. Sebelum ini, aku hanya berpeluang berenang di kolam renang kecil yang terdapat di estet perumahanku sahaja.

Tanpa kusedari, aku telah dibawa arus jauh ke tengah lautan. Aku mula berasa letih dan tidak bermaya melawan arus yang kuat. Beberapa teguk air laut masuk ke dalam mulutku. Tanganku terkapai-kapai. Aku menjerit meminta pertolongan. Ketika itu aku terbayang wajah ayah dan ibuku. "Oh, ayah, ibu, mungkinkah kita tidak akan bersua lagi?" kataku dengan hati yang sayu bercampur sesal.

Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

21. Penulis berasa sungguh gembira kerana _____.
- (1) tidak sabar lagi hendak ke pantai Changi
 - (2) rancangannya ke pantai telah beberapa kali dibatalkan
 - (3) dia akan berkelah di pantai dengan rakan-rakannya dan Cikgu Rima
 - (4) mendapat kebenaran daripada ibu bapanya untuk pergi berkelah
- ()
22. Tangan penulis terkapai-kapai kerana dia _____.
- (1) ingin meminta tolong
 - (2) ingin mengangkat tangannya
 - (3) ingin bergurau dengan rakannya
 - (4) berasa letih dan tidak bermaya melawan arus yang kuat
- ()
23. Perkataan **mempedulikan** dalam petikan bermaksud _____.
- (1) mengingatkan
 - (2) mengindahkan
 - (3) mendengarkan
 - (4) mengendahkan
- ()
24. Perkataan yang berlawanan dengan perkataan **luas** ialah _____.
- (1) kecil
 - (2) sesak
 - (3) sempit
 - (4) lengang
- ()
25. Penulis merasa kesal kerana _____.
- (1) tidak tahu berenang
 - (2) berasa lemah di tengah lautan
 - (3) tidak mengendahkan arahan gurunya
 - (4) dia terbayang wajah ayah dan ibunya
- ()

BAHAGIAN E FRASA (4 × 2 markah)

Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) jangan pedulikan Azza
- (2) peperiksaan tahun hadapan
- (3) peperiksaan Azza minggu hadapan
- (4) tidak lulus dalam tiga mata pelajaran
- (5) jangan hendak ambil tahu urusan Azza
- (6) jangan pandai-pandai hendak menasihati Azza

Ella: Azza sedang buat apa? Belajar atau membaca komik.

Azza: Kenapa kakak hendak tahu apa yang Azza buat?
Kakak yang menyibuklah, (26)_____.

Ella: Kakak bukan hendak menyibuk. Kakak risau melihat kelakuan Azza, (27)_____, tetapi Azza masih leka membaca komik dan bukan mengulangkaji pelajaran.

Azza: Azza tahulah bila hendak mengulangkaji pelajaran. Kakak (28)_____. Azza tahu bila hendak belajar!

Ella: Kakak hanya hendak menasihatkan Azza. Kakak lihat keputusan peperiksaan Azza yang lalu kurang memuaskan. Bahkan Azza (29)_____.

Azza: Azza tidak mahu kakak masuk campur dalam urusan Azza. Azza lulus atau gagal pun apa kakak peduli!

BAHAGIAN F KEFAHAMAN 2 (32 markah)

Teliti brosur yang berikut.

Pesta Makanan

20 – 21 Jun
(10 pagi- 10 malam)

bertempat di Dewan Expo Singapura Hall 9

Terdapat 100 gerai yang menyediakan berbagai jenis makanan dari seluruh dunia. Inilah peluang anda untuk menikmatinya di bawah satu bumbung!

Acara Menarik:

(20 Jun)

Pertunjukan memasak oleh
Diva Hanita Aris

Cara membuat **Roti Nan**

Peraduan Si Cilik memasak

Hiburan oleh kumpulan
ST12 & May

Acara Menarik:

(21 Jun)

Peraduan membuat **roti jala**

Pertunjukan memasak makanan Perancis oleh
Chef Wani

Hiburan oleh penyanyi terkenal **Siti Nuliza & Neesa Omar**



Ayuh datanglah beramai-ramai ke Pesta Makanan ini!

Anjuran:
BIZ Marketing Pte Ltd

Penaja:
Mawar Mekar Pte Ltd
DiDi Communication

Berdasarkan brosur di halaman 9, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

30. Pesta Makanan ini menyediakan _____. (2 markah)
 (1) roti jala
 (2) roti nan
 (3) makanan Perancis
 (4) makanan dari seluruh dunia ()
31. Pertunjukan memasak akan dijalankan oleh Chef Wani dan _____. (2 markah)
 (1) Siti Nuliza (2) Neesa Omar
 (3) Hanita Aris (4) Kumpulan May ()
32. Pada hari pertama terdapat peraduan _____. (2 markah)
 (1) memasak roti jala
 (2) memasak roti naan
 (3) kanak-kanak memasak
 (4) memasak makanan Perancis ()
33. Pesta Makanan ini dianjurkan oleh _____. (2 markah)
 (1) DiDi Communication
 (2) Mawar Mekar Pte Ltd
 (3) BIZ Marketing Pte Ltd
 (4) Dewan Expo Singapura ()
34. Kamu tahu kawan kamu berminat dengan makanan dari negara-negara lain. Berikan dua kelebihan dalam Pesta Makanan yang diiklankan ini untuk mengajak kawan kamu pergi bersama kamu.
 Gunakan informasi yang terdapat di dalam iklan ini untuk meyakinkan kawan kamu dalam pesanan ringkas kepadanya. (4 markah)
 Hi Jamil. Kamu tahu tidak ada Pesta Makanan di Dewan Expo pada hujung minggu ini? Marilah kita pergi. Pasti kamu suka. Di sana _____

Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Pengunjung berpusu-pusu tidak kira panas ataupun hujan untuk ke sudut bahagian timur Pulau Ubin yang kini dikenali sebagai Chek Jawa.

Sejak ditemui, kawasan tersebut telah menjadi **tumpuan** beribu pengunjung yang datang setelah membaca laporan akhbar mengenai keunikan kawasan perairan cetek di Chek Jawa. Ada pula yang datang untuk melihat alam semula jadi terakhir di Singapura sebelum ia pupus dari perairan kita.

Sambutan pengunjung yang sangat menggalakkan itu membuat Lembaga Taman Negara mengenalkan satu sistem tempahan berkuat-kuasa pada bulan hadapan untuk mengawal jumlah pengunjung. Peraturan-peraturan yang ketat juga akan ditetapkan untuk memastikan kebersihan perairan Chek Jawa dijaga dengan baik.

Orang ramai perlu membuat tempahan terlebih dahulu sebelum melakukan **kunjungan** ke sana. Sistem ini dilakukan untuk mengelakkan terlalu ramai pengunjung yang boleh menyebabkan kerosakan pada alam sekitar.

Kawasan laut yang bersih dan bebas dari lumpur amat perlu untuk batu karang yang hidup di sana. Oleh itu, jumlah pengunjung dikawal pada satu-satu masa untuk memastikan kebersihan laut dan pantai Chek Jawa. Sampah-sarap dan pasir yang berlebihan boleh mengancam dan membunuh batu karang.

Beberapa sekolah juga mengambil berat untuk mengekalkan keindahan Chek Jawa. Murid-murid dari Kelab Alam Semula Jadi di sekolah masing-masing akan mengadakan lawatan ke Pulau Ubin untuk membersihkan kawasan pantai Chek Jawa. Mereka juga mengadakan kempen di sekolah masing-masing untuk menimbulkan kesedaran di kalangan murid-murid lain.

Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

35. Di manakah letaknya Chek Jawa? (2 markah)

36. Mengapa para pengunjung berpusu-pusu ke Chek Jawa? (2 markah)

37. Nyatakan **dua** peraturan yang diperkenalkan oleh Lembaga Taman Negara. (4 markah)

38. Berikan **dua** bukti yang menunjukkan kebersihan Chek Jawa dijaga dengan baik. (4 markah)

39. Nyatakan **satu** sifat terpuji ahli Kelab Alam Semula Jadi. Berikan contoh bagi menyokong jawapan kamu. (4 markah)

40. (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 11, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) tumpuan (1 markah)

(ii) kunjungan (1 markah)

(b) Terdapat perkataan dalam petikan di halaman 11 yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(i) sangat banyak - _____ (1 markah)

(ii) sesuatu daerah - _____ (1 markah)